

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 4/1998

PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN RUANG UDARA DI ATAS TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 425A KANUN TANAH NEGARA (KTN) 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam menimbangkan Kertas MMK Bil.18/665/98 (43) dalam sidangnya kali ke 18/98 pada 23 September 1998 telah mempersetujui supaya tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 425A Kanun Tanah Negara 1965 diambil terhadap sebarang binaan khususnya papan-papan iklan yang menggunakan ruang udara di atas Tanah Kerajaan dan Tanah Rizab bagi menambahkan hasil Negeri dan sebagai kawalan terhadap penggunaan ruang udara di atas Tanah Kerajaan dan Tanah Rizab.

2. Seksyen 425A KTN 1965 memperuntukan bahawa tiada seseorang pun tanpa kebenaran yang sah boleh menggunakan ruang udara di atas Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab dengan mendirikan, menyelenggara atau menduduki bumbung, pepayung, jambatan atau binaan yang lain. Sekiranya kebenaran yang sah tersebut tidak diperolehi, pihak-pihak yang terbabit adalah melakukan satu kesalahan menggunakan ruang udara di atas Tanah Kerajaan secara haram di bawah Seksyen 425A KTN 1965 di mana jika sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

3. Penggunaan ruang udara di atas Tanah Kerajaan dan Tanah Rizab yang dikenalpasti berlaku di Negeri Kelantan adalah seperti berikut:-
 - a) Jejantas
 - b) Awning (pepayung), bumbung dan alat penyaman udara yang menjulur keluar melampaui kaki lima bangunan.
 - c) Papan iklan yang dilekatkan pada dinding bangunan secara menjulur keluar melampaui kaki lima bangunan.

Untuk permulaan, penguatkuasaan ini ditumpukan kepada papan-papan iklan memandangkan ianya bertujuan komersial, dapat menjana keuntungan kepada pemiliknya, dan pemiliknya adalah golongan peniaga yang berada yang mampu membayar permit.

4. Penggunaan ruang udara di atas Tanah Kerajaan untuk apa-apa tujuan hendaklah dengan kebenaran yang sah dengan cara memiliki Permit Penggunaan Ruang Udara dalam Borang 4D KTN 1965 yang dikeluarkan oleh Pejabat-Pejabat Tanah Jajahan di bawah Kaedah 20 (C) Kaedah Tanah Kelantan (KTK) 1966.
5. Kadar permit penggunaan ruang udara untuk papan iklan adalah seperti berikut:-
 - a) Tanah Bandar - Kota Bharu RM400.00 setahun.
Pasir Puteh, Machang, Pasir Mas, Kuala Krai,
Tanah Merah dan Gua Musang RM240.00
setahun.
 - Bachok, Tumpat, Temangan dan bandar-bandar lain RM 160.00 setahun.

b) Tanah Pekan - RM160.00 setahun

c) Tanah Desa - RM140.00 setahun

6. Permit ini tidak bertindih dengan sebarang lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan paparan iklan. Ini adalah kerana lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah bagi memaparkan iklan, tetapi jika iklan tersebut dipapar dengan menggunakan ruang udara di atas Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab, maka permit berasingan perlu dipohon dari Pejabat Tanah.
7. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 23hb. September, 1998.

t.t

(Md. Yusof Bin Noh)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

YABrs. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, (Kerajaan Tempatan) .
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan).

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL: PTG.KN.4485/(96)
BERTARikh : 21 JAMADIL AKHIR. 1419H
12 OKTOBER 1998**